

Konvensyen Perkhidmatan Pekerjaan 1948 (No. 88) Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Pelaksanaannya di Malaysia

Oleh: Ratana, Hasnor Faiz , Raja Khairul Azhar, Aidil, Syafiq & Syammil

Pengenalan

Konvensyen 1948 mengenai Perkhidmatan Pekerjaan, atau Konvensyen No. 88 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), diperkenalkan dan diterima pakai pada tahun 1948, merupakan instrumen perundangan antarabangsa yang menekankan kepentingan penyediaan Perkhidmatan Pekerjaan yang tersusun dan efisien. Konvensyen ini bertujuan untuk membangunkan satu sistem perkhidmatan pekerjaan awam (Public Employment Services, PES) yang menjadi medium utama dalam memperluas akses kepada peluang pekerjaan yang inklusif, produktif, serta berasaskan prinsip kebebasan memilih pekerjaan. Selain itu, konvensyen ini menetapkan peranan penting perkhidmatan pekerjaan dalam memudahkan penempatan tenaga kerja, penyediaan maklumat serta analisis pasaran buruh, dan memperkukuhkan kerjasama antara pemegang taruh seperti kerajaan, majikan, dan pekerja bagi memastikan keberkesanan pasaran buruh secara keseluruhan.

Sebagai anggota ILO, Malaysia telah melaksanakan pelbagai strategi bagi memastikan dasar pekerjaannya sejajar dengan prinsip yang terkandung dalam Konvensyen No. 88. Langkah ini bertujuan untuk memperkukuh sistem perkhidmatan pekerjaan, meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan, serta mengimbangi keperluan dan penawaran tenaga kerja dalam pasaran buruh negara. Oleh itu, artikel ini akan mengupas dengan lebih mendalam peruntukan utama dalam Konvensyen No. 88, tahap pematuhan Malaysia terhadap prinsip tersebut, serta cabaran dan peluang yang wujud dalam memperkasa sistem perkhidmatan pekerjaan di negara ini.



Peruntukan Utama Konvensyen No. 88 ILO

Konvensyen No. 88 ILO menyediakan garis panduan komprehensif bagi perkhidmatan pekerjaan dalam rangka kerja nasional bagi memastikan pasaran buruh yang lebih efisien dan inklusif. Konvensyen ini menekankan beberapa peruntukan utama yang bertujuan untuk memperkukuhkan perkhidmatan pekerjaan, memudahkan pepadanan tenaga kerja dengan keperluan industri, serta memastikan peluang pekerjaan yang adil dan saksama kepada semua individu.

Penubuhan Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan

Setiap negara anggota diwajibkan untuk mengekalkan perkhidmatan pekerjaan awam secara percuma yang boleh diakses oleh semua pencari kerja dan majikan. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memudahkan pencarian kerja, membantu majikan mendapatkan pekerja yang sesuai, serta menyediakan maklumat pasaran buruh yang berguna bagi pelbagai pihak berkepentingan.

Struktur Berpusat dan Diselaraskan

Konvensyen ini menggariskan keperluan bagi sistem perkhidmatan pekerjaan yang beroperasi di bawah struktur nasional yang selaras, namun pada masa yang sama bersifat desentralisasi bagi memenuhi keperluan spesifik pasaran buruh di peringkat serantau. Dengan pendekatan ini, setiap kawasan dapat menyesuaikan perkhidmatan pekerjaan mereka berdasarkan keunikan industri dan demografi tenaga kerja setempat.

Kerjasama *Tripartite*

Konvensyen No. 88 menekankan kerjasama antara tiga pihak utama dalam pasaran buruh iaitu kerajaan, wakil majikan dan pekerja. Penglibatan semua pihak berkepentingan ini bertujuan untuk mewujudkan sistem perkhidmatan pekerjaan yang lebih seimbang, adil, dan responsif terhadap keperluan pasaran buruh. Dengan adanya perundingan *tripartite*, dasar pekerjaan dapat dirangka dengan lebih efektif dan mengambil kira pelbagai perspektif.

Pengumpulan dan Penyebaran Maklumat Pasaran Buruh

Maklumat mengenai trend pasaran buruh perlu dikumpulkan secara sistematik dan disebarkan kepada pembuat dasar, majikan, serta pencari kerja. Data ini merangkumi trend pekerjaan, permintaan kemahiran, kadar pengangguran, dan perubahan dalam sektor ekonomi. Dengan analisis yang tepat, Kerajaan dan pihak industri dapat membuat keputusan dasar yang lebih berkesan untuk menangani isu ketidaksepadanan tenaga kerja serta merancang pembangunan tenaga manusia yang lebih strategik.

Promosi Peluang Pekerjaan yang Saksama

Konvensyen No. 88 turut menekankan kepentingan akses yang adil dan saksama terhadap peluang pekerjaan, tanpa diskriminasi berdasarkan jantina, etnik, umur, latar belakang sosioekonomi, atau sebarang faktor lain. Negara anggota perlu memastikan bahawa semua individu mempunyai peluang yang sama untuk mendapatkan pekerjaan yang setara dengan kelayakan dan kemahiran mereka. Langkah ini bertujuan untuk menggalakkan keseimbangan tenaga kerja serta menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi dalam pasaran buruh.

Pengumpulan dan Penyebaran Maklumat Pasaran Buruh

Bagi memastikan tenaga kerja dapat memadamkan kemahiran mereka dengan peluang pekerjaan yang tersedia, Konvensyen No. 88 menggalakkan penyediaan bimbingan dan kaunseling vokasional kepada pencari kerja. Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu individu dalam menilai kebolehan mereka, mengenal pasti peluang pekerjaan yang sesuai, serta mendapatkan latihan kemahiran yang relevan bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka. Inisiatif ini juga menyokong usaha Kerajaan dalam membina tenaga kerja yang lebih berdaya saing dan berinovasi.

Secara keseluruhannya, Konvensyen No. 88 bertujuan untuk memperkasakan perkhidmatan pekerjaan kebangsaan supaya lebih cekap, inklusif, dan responsif terhadap keperluan tenaga kerja. Dengan pelaksanaan dasar yang sejajar dengan peruntukan konvensyen ini, negara anggota dapat memastikan pasaran buruh yang lebih teratur, peluang pekerjaan yang lebih luas, serta tenaga kerja yang lebih berkualiti dan produktif.



Komitmen Malaysia terhadap Konvensyen No. 88

Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang signifikan dalam usaha membangunkan perkhidmatan pekerjaan yang sejajar dengan prinsip yang digariskan dalam Konvensyen No. 88 ILO. Dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan penubuhan institusi yang bertanggungjawab dalam pengurusan tenaga kerja, Malaysia terus memperkukuhkan sistem perkhidmatan pekerjaan bagi memastikan keseimbangan antara penawaran dan permintaan tenaga kerja.

Secara keseluruhannya, Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang memperkukuhkan sistem perkhidmatan pekerjaan agar selari dengan prinsip yang digariskan dalam Konvensyen No. 88. Melalui penyediaan perkhidmatan pekerjaan awam yang lebih berstruktur, peningkatan kemahiran tenaga kerja, penyediaan data pasaran buruh yang lebih tepat, serta kerjasama antara pihak berkepentingan, Malaysia terus berusaha untuk memastikan pasaran buruhnya kekal kompetitif, dinamik, dan inklusif.

Perkhidmatan Pekerjaan Awam (PES) di Malaysia

Malaysia telah menubuhkan pelbagai platform dan institusi untuk menyediakan perkhidmatan pekerjaan yang komprehensif dan boleh diakses oleh semua golongan tenaga kerja.

- a) Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di bawah Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan utama dalam menguruskan perkhidmatan pekerjaan awam, memastikan pencari kerja dan majikan mendapat akses kepada maklumat serta bantuan dalam penempatan pekerjaan. JTK juga bertanggungjawab dalam menguatkuasakan dasar pekerjaan yang selari dengan keperluan industri.
- b) MYFutureJobs, sebuah portal pepadanan pekerjaan dalam talian yang dibangunkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), berfungsi sebagai platform utama dalam mempertemukan pencari kerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia. Portal ini turut menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan seperti bimbingan kerjaya dan latihan semula bagi meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja.

Bagi memastikan tenaga kerja negara sentiasa memiliki kemahiran yang relevan dengan keperluan industri, Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp) telah diperkenalkan. Institusi ini memudahkan pelaksanaan program latihan dan peningkatan kemahiran melalui pelbagai inisiatif dan dana yang disediakan kepada majikan dan pekerja. Dengan adanya program latihan ini, pekerja dapat meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran buruh yang semakin berkembang.

Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp)

Maklumat Pasaran Buruh dan Integrasi Dasar

Salah satu elemen penting dalam keberkesanan sistem perkhidmatan pekerjaan adalah penyediaan data pasaran buruh yang komprehensif bagi membolehkan pembuat dasar dan industri membuat keputusan yang tepat.

- a) Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menyediakan platform OpenDOSM untuk mempertingkatkan pemahaman dan analisis pasaran buruh dengan memberi akses kepada data pasaran buruh yang terkini. Selain itu, DOSM melalui Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) juga melaksanakan kajian perburuhan yang berfokus pada dasar-dasar berkaitan tenaga kerja.
- a) Senarai Pekerjaan Kritikal (MyCOL) merupakan inisiatif untuk mengenal pasti kekurangan kemahiran dalam pasaran buruh, dengan menganalisis pekerjaan yang mempunyai permintaan tinggi namun kekurangan tenaga kerja berkemahiran, bertujuan menjadi rujukan dalam perancangan pembangunan modal insan serta strategi latihan dan pendidikan.



Dalam usaha memastikan sistem tenaga kerja yang seimbang dan mampan, kerjasama antara kerajaan, majikan, dan pekerja amat penting. Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) dan kesatuan sekerja bekerjasama dengan kerajaan dalam menggubal dasar tenaga kerja yang mengutamakan kepentingan kedua-dua pihak, iaitu pekerja dan majikan. Melalui perbincangan dan konsultasi tripartite ini, pelbagai inisiatif dapat diperkenalkan bagi meningkatkan produktiviti tenaga kerja serta memastikan hak pekerja dilindungi.

**Kerjasama Tripartite dan
Penglibatan Pemegang
Taruh**

**Kawal Selia Migrasi
Buruh melalui
Memorandum
Persefahaman (MoU)**

Bagi mengawal selia kemasukan tenaga kerja asing serta memastikan keperluan industri terhadap buruh asing dipenuhi tanpa menjejaskan tenaga kerja tempatan, Malaysia telah menandatangani pelbagai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan negara penghantar buruh. MoU ini bertujuan untuk:

- Mengawal dan mengurus pengambilan pekerja asing dengan lebih sistematik.
- Memastikan perlindungan dan kebajikan pekerja migran terjamin.
- Mengurangkan isu buruh paksa dan eksploitasi tenaga kerja.

Cabaran dalam Melaksanakan Konvensyen No. 88 di Malaysia

Walaupun usaha yang ketara telah dilakukan, Malaysia masih menghadapi beberapa cabaran dalam merealisasikan sepenuhnya objektif Konvensyen No. 88, di antara cabaran tersebut adalah:

**Cabaran dalam Melaksanakan
Konvensyen No. 88 di Malaysia**

Pemisahan dalam Perkhidmatan Pekerjaan

Pelbagai entiti kerajaan dan swasta yang menyediakan perkhidmatan pekerjaan sering beroperasi secara berasingan tanpa koordinasi yang efektif. Keadaan ini membawa kepada pertindihan tugas, kekeliruan dalam kalangan pencari kerja dan majikan, serta pembaziran sumber. Akibatnya, individu yang mencari pekerjaan mungkin tidak memperoleh maklumat atau sokongan yang diperlukan secara menyeluruh.

Ketidaksepadanan antara Kemahiran dan Permintaan Pasaran Buruh

Perbezaan antara kemahiran yang diajar di institusi pendidikan dan keperluan sebenar industri menyebabkan kesukaran bagi graduan dalam mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Faktor utama yang menyumbang kepada isu ini ialah kurikulum yang kurang selaras dengan perkembangan teknologi serta kehendak majikan, mengakibatkan ramai graduan menganggur atau terpaksa bekerja di luar bidang kepakaran mereka.

Kebergantungan kepada Ekonomi Informal dan Gig

Peningkatan dalam sektor ekonomi gig dan pekerjaan tidak berstruktur semakin ketara, terutamanya dalam industri penghantaran, *e-hailing*, serta kerja bebas (*freelance*). Walaupun bidang ini menyediakan peluang pendapatan, ia sering kali tidak menawarkan perlindungan pekerjaan, manfaat sosial, atau kestabilan jangka panjang. Kebergantungan terhadap sektor ini boleh meningkatkan ketidakjaminan ekonomi bagi golongan pekerja.

Kekurangan Akses bagi Golongan Rentan

Kumpulan seperti wanita, individu kurang upaya, dan masyarakat luar bandar sering menghadapi kesukaran dalam mendapatkan peluang pekerjaan akibat halangan seperti, kekurangan sokongan kemudahan, serta akses terhadap maklumat dan latihan. Tanpa penyelesaian yang lebih inklusif, golongan ini berisiko terus terpinggir daripada peluang pekerjaan yang lebih baik.



Cadangan untuk Memperkukuh Perkhidmatan Pekerjaan Malaysia

Cadangan penambahbaikan perkhidmatan pekerjaan amat diperlukan bagi meningkatkan kecekapan sistem pepadanan kerja, memperluaskan peluang pekerjaan untuk rakyat, dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Antara cadangan yang wajar dipertimbangkan adalah:

1. Meningkatkan Penyelarasan antara Agensi

Cadangan ini mencadangkan penubuhan satu rangka kerja perkhidmatan pekerjaan yang berpusat untuk menyatukan usaha pelbagai agensi. Penyelarasan yang lebih baik antara agensi kerajaan dan swasta dapat mengurangkan pertindihan fungsi serta kekeliruan dalam sistem. Pendekatan ini melibatkan pembentukan sistem komunikasi dan perkongsian data yang efisien, seterusnya memudahkan pepadanan antara pencari kerja dan majikan secara sistematik dan strategik.

2. Memperluas Perkhidmatan Pekerjaan Digital

Untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi, perkhidmatan pekerjaan perlu diintegrasikan dengan platform digital yang lebih canggih. Contohnya, platform seperti MYFutureJobs boleh ditingkatkan dengan penggunaan kecerdasan buatan (AI) untuk menyediakan cadangan pekerjaan yang lebih tepat berdasarkan profil, kemahiran, dan minat pengguna. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pencarian pekerjaan, tetapi juga mempercepatkan proses pepadanan antara calon dan peluang pekerjaan yang sesuai.

3. Memperkukuh Latihan Vokasional dan Kaunseling Kerjaya

Pendidikan dan latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) merupakan tunjang dalam menyediakan tenaga kerja yang mahir dan bersedia menghadapi keperluan pasaran. Dengan menyelaraskan program TVET kepada keperluan industri semasa, graduan dan pencari kerja akan lebih bersedia dengan kemahiran yang relevan. Selain itu, kaunseling kerjaya yang profesional dapat membantu individu mengenal pasti kekuatan dan minat mereka, serta memberikan panduan yang tepat untuk memilih laluan kerjaya yang sesuai.

4. Menambah Baik Pengumpulan Data Pasaran Buruh

Data yang tepat dan terkini adalah asas penting dalam merangka strategi pepadanan pekerjaan yang berkesan. Cadangan ini menekankan keperluan untuk mengumpul data pasaran buruh secara menyeluruh dan membangunkan sistem analitik masa nyata. Dengan menggunakan teknologi analitik, agensi dapat mengenalpasti trend semasa, meramal keperluan industri, dan menyesuaikan dasar serta inisiatif untuk memaksimumkan peluang pekerjaan kepada pencari kerja.

5. Mempromosikan Strategi Pekerjaan Inklusif

Strategi ini menumpukan kepada usaha untuk menyediakan peluang pekerjaan yang adil dan saksama kepada semua lapisan masyarakat, terutamanya kumpulan terpinggir seperti wanita, individu kurang upaya, dan penduduk luar bandar. Dengan meningkatkan program penempatan pekerjaan khusus untuk golongan ini, serta menyediakan latihan dan sokongan tambahan, kerajaan dapat membantu mengurangkan ketidakseimbangan dalam pasaran buruh dan memastikan semua individu mempunyai peluang yang sama untuk mendapatkan pekerjaan yang berkualiti.

Kesimpulan

Pelaksanaan setiap cadangan dengan berkesan dapat mengukuhkan perkhidmatan pekerjaan di Malaysia serta meningkatkan kecekapan pepadanan antara pencari kerja dan majikan secara menyeluruh. Malaysia telah menunjukkan kemajuan positif dalam menyelaraskan perkhidmatan pekerjaan selaras dengan Konvensyen No. 88 ILO. Namun, bagi memastikan penambahbaikan berterusan, adalah penting untuk mengatasi cabaran seperti ketidaksepadanan kemahiran, sistem perkhidmatan pekerjaan yang tidak tersusun, dan keterbatasan akses ke pasaran buruh. Dengan memperkukuh platform digital, mempertingkatkan penyelarasan antara agensi, serta memastikan keterangkuman dalam perkhidmatan pekerjaan, Malaysia berpotensi membangunkan pasaran buruh yang lebih progresif dan adil mengikut piawaian buruh antarabangsa.

